

13 NOV 1997

Mahathir-Rasmi

PM RASMI TAMAN TEMA AIR BANDAR TASEK BUKIT MERAH

TAIPING, 13 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini merasmikan Taman Tema Air Bandar Tasek Bukit Merah yang berharga RM20 juta yang merupakan antara taman rekreasi termoden di utara Semenanjung.

Taman air itu yang meliputi kawasan seluas 4.4 hektar merupakan sebahagian daripada projek fasa pertama Bandar Tasek Bukit Merah atau lebih dikenali sebagai Bukit Merah Laketown yang merangkumi kawasan seluas 660 hektar yang menghadap sebuah tasik seluas 2,800 hektar yang dirancang dibangunkan dalam tempoh 20 tahun dengan anggaran belanja RM3,000 juta.

Bandar Tasek Bukit Merah, yang dibangunkan oleh syarikat Segi Objektif (M) Sdn Bhd, anggota Emkay Group of Companies, merupakan bandar bersepadu yang mempunyai taman rekreasi, perumahan, kawasan perdagangan, hospital persendirian dan institut pengajian tinggi.

Ketibaan Dr Mahathir disambut lebih 10,000 orang termasuk anggota parti-parti komponen Barisan Nasional yang membawa sepanduk menyokong beliau dan melaungkan slogan "hidup Mahathir".

Beliau dibawa menaiki "buggy" sejauh 300 meter untuk ke jeti taman air itu bagi melepaskan sekumpulan burung merpati dan diikuti dengan tembakan meriam kertas berwarna-warni sebagai tanda perasmian.

Turut hadir ialah Menteri Besar Perak Tan Sri Ramli Ngah Talib serta isteri dan Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang Datuk Shariff Omar. Pemimpin dan pegawai kerajaan negeri turut hadir pada majlis itu.

Taman Tema Air yang mula dibuka kepada orang ramai pada 25 Jan lepas mempunyai pelbagai permainan air untuk semua peringkat umur.

Sehingga hari ini lebih daripada 300,000 pengunjung telah melawat taman air ini yang dibangunkan oleh Australian Leisure Industries yang turut memperuntukkan satu kawasan permainan air untuk kanak-kanak yang berbentuk kapal korek bijih yang melambangkan era bijih timah di Perak.

Dr Mahathir juga turut melawat kampung marina yang berharga RM18 juta meliputi kawasan seluas 2.8 hektar bagi menempatkan rangkaian kedai termasuk kedai kraftangan, panggung wayang, karaoke, kafe.

Perdana Menteri juga turut melawat hotel Laketown Inn yang berharga RM15 juta dan mempunyai 174 bilik, yang hanya mula beroperasi September lepas, sebelum melawat kawasan perumahan kira-kira dua km dari taman tema air.

Beliau juga melawat tapak banglo yang mempunyai 410 lot. -- BERNAMA
HK LAT NMO